

**KERTAS SOALAN
PRAKTIS BESTARI
SET 1**

**PROJEK JAWAB UNTUK JAYA (JUJ)
NEGERI PAHANG
TAHUN 2014**

BAHASA MELAYU

KERTAS 1

Dua Jam Lima Belas Minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**.*
2. *Jawab soalan **Bahagian A** dan satu soalan daripada **Bahagian B**.*
3. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

Kertas soalan ini mengandungi **4** halaman bercetak

Bahagian A

[Masa dicadangkan: 45 minit]

[30 markah]

Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang **ciri-ciri kantin sekolah yang baik**. Panjang huraian hendaklah antara 200 hingga 250 patah perkataan.

KANTIN SEKOLAH YANG BAIK

Persekitaran yang Bersih



Juadah yang Berkhasiat



Pekerja Kantin Mematuhi Etika Berpakaian

Bahagian B

[Masa dicadangkan : 1 jam 30 minit]

[100 markah]

Pilih **satu** daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya **melebihi 350 patah perkataan**.

1. Kecemerlangan seseorang pelajar berpunca daripada sikap diri sendiri.

Berikan pendapat anda tentang pernyataan di atas.

2. Golongan remaja kini sering dikaitkan dengan kegiatan vandalisme dan gengsterisme.

Sebagai ibu bapa yang bertanggungjawab, jelaskan usaha-usaha yang perlu dilakukan untuk mengawal tingkah laku tersebut.

3. Negara kita masih kekurangan golongan ilmuwan untuk memacu pembangunan negara.

Jelaskan peranan kerajaan untuk melahirkan golongan tersebut.

4. Setiap negara berusaha untuk menjaga keselamatan sempadan negara masing-masing daripada dicerobohi.

Huraikan tujuan negara-negara di dunia berbuat demikian.

